



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 25 MAC 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TIMBALAN MENTERI KAGUM DENGAN KEHEBATAN USAHAWAN OKU, NASIONAL, HAKAKAH -H10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	MAQIS RAMPAS KOKO DARI UGANDA, NEGERI JOHOR, SH -28 MAQIS SEIZES MANGGOT-INFESTED COCOA AND VEGE, NATION, THE STAR -8 RAMPAS 16 TAN KOBIS, BROKOLI DARI CHINA, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5. 6.	DALANG SABUNG AYAM KENA DAKWA, LOKAL, HM -21 BURUH LADANG DIDAKWA ANJUR PERJUDIAN SABUNG AYAM, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	DULU MAKAN GAJI, KINI BERGELAR USAHAWAN, BISNES SINAR, SH -29	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	SUP CAMPURAN EKSTRAK PEGAGA BANTU KESIHATAN MENTAL, GAYA INOVASI, UM -24 & 25	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9. 10.	KADA UJI PADI NUKLEAR, NEGARA, KOSMO -5 KADA TANAM PADI NUKLEAR JUN INI, NEGERI KELANTAN, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
11. 12.	PPNS TAMBAH PELABURAN RM2 JUTA KEPADA NAFAS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PPNS TAMBAH PELABURAN RM2 JUTA SAHAM KEPADA NAFAS, NASIONAL, SH -11	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13. 14. 15. 16. 17. 18.	KLIP: HASIL LAUT TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -29 PEKEBUN TEMBIKAI RUGI AKIBAT BANJIR, NEGERI PAHANG, SH -23 LAHIR USAHAWAN TANI TERNAK AYAM KAMPUNG, KELANTAN, HAKAKAH -H12 DG: LAB RESULTS OUT ON FRIDAY, NATION/NEWS, NST -9 ENSURING OUR EGGS ARE SAFE, LETTERS, NST -18 BELENGGU TANAH SAWAH HARAM TERLERAI, DARUL IMAN, HAKAKAH -H20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Timbalan Menteri kagum dengan kehebatan usahawan OKU

Oleh SALMAH MAT HUSAIN

SERINGKALI kita mendengar orang sering mengaitkan sebagai cinta itu buta. Adakah benar cinta itu buta atau seseorang itu yang bercinta membihi buta.

Namun hakikatnya, perasaan cinta itu sungguh suci dan murni. Ia akan terbit dari sekeping hati yang ikhlas untuk menyintai seseorang yang dicintainya.

Apa lagi rasa cinta itu turut disahut oleh orang yang dicintai itu setulus hati.

Bagi pasangan bahagia ini rasa cinta itu wujud tanpa disedari, tanpa diduga. Terpakat pada pandang pertama dan akhirnya terus ke hafi.

Mungkin agak luar biasa seorang yang cacat anggotanya dapat mengahwini seorang yang sempurna fizikalnya apa lagi memiliki raut wajah yang rupawan.

Namun itulah hakikat yang kini dilalui oleh pasangan suami isteri Syahrilnaim Mohd Salleh, 41 dan isteri Siti Laila Mat Husin, 36.

Syahrilnaim yang cacat anggota (tiada kedua belah kaki) telah melangsungkan perkahwinan dengan isteri yang sempurna sifatnya sejak lapang tahun lalu.

Laila merupakan sahabat kepada sepupu Syahril, akhirnya menjadi isterinya, bahkan merupakan insan yang paling kuat ketika memberi semangat untuknya terus berjuang dalam perniagaan atau urusan kehidupan harian.

"Saya langsung tidak menduga ada insan yang sudi menerima saya seadanya."

"Saya seakan tidak percaya apabila saya melahirkan hasrat hati saya lapang tahun lalu padanya, dia bersetuju dengan syarat meminta saya berjumpa sendiri keluarganya," ujarnya ketika ditanya detik bermulanya kisah cinta antara mereka.

Bagi Laila, dia yakin Syahrilnaim adalah jodoh yang terbaik telah ditentukan Allah untuknya. Kerana keyakinan itu beliau menerima segala kekurangan fizikal dengan penuh kesukuran.

Bagi Laila, kekurangan fizikal bukan bererti bakal suaminya kurang se-

gala-galanya, pasti ada keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah padanya.

"Mak memang tidak membantah bila saya nyatakan Syahril melamar saya, begitu juga keluarga (terdekat, bagaimanapun mak suruh saya fikir masak-masak.

"Saya faham maksud mak, mungkin kerana dia tidak sempurna sebagaimana orang lain," ujarnya.

Namun bagi Laila, andai Syahril adalah insan yang ditakdirkan oleh Allah untuknya, yang akan membahagiakannya, beliau tidak menolak dan menyesali ketentuan Allah itu.

Kerana yakin jodoh, ajal mut dan rezeki itu ditentukan Allah, beliau dengan setulus hati menerima Syahril sebagai suaminya.

Benar sebagai diduga, rezeki untuk mereka melimpah ruah dan kedua suami isteri ini begitu bersyukur di atas ketentuan Ilahi buat mereka.

Syahril pada mulanya menetap di Kedah, mencari rezeki sebagai seorang tukang jahit, menerima tempahan menjahit seperti cadar atau lahsjir.

Bagaimanapun sekembalinya ke Kampung Pasir Pekan Hilir, Tumpat Kelantan beberapa tahun lalu selepas berkahwin, beliau tidak lagi menjahit atau menerima tempahan sebagaimana sebelumnya.

Menurutnya, pada peringkat awal beliau masih menerima tempahan menjahit atau memasak, bagaimanapun akhirnya beliau terpaksa memupuk perhatian memelihara



Pasangan suami isteri Syahrilnaim Mohd Salleh, 41 dan isteri Siti Laila Mat Husin, 36.



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datu' Che Abdullah Mat Nawi bersama isteri kagum dengan usaha yang dilakukan oleh usahawan OKU.



Kehadiran Datu' Che Abdullah mendorong semangat Syahrilnaim Mohd Salleh.

kambing yang kini berjumlah 56 ekor.

Dari tiga ekor kambing biri-biri dua daripadanya betina, kini jumlahnya mencecah kepada 56 ekor.

"Peringkat awal memang saya boleh buat banyak kerja, tetapi lama kelamaan bila jumlah kambing makin meningkat, saya tidak boleh lagi buat banyak kerja.

"Namun saya bersyukur kerana isteri saya ini adalah insan yang paling kuat memberi semangat dan banyak membantu saya hingga ke tahap ini," ujarnya.

Menurut Syahril, beliau mula memelihara kambing tiga tahun lalu secara rasminya.

Menariknya beliau bukan hanya menjual kambing hidup, sebaliknya turut menerima tempahan memasak lauk kambing yang ditempah sama ada untuk jamuan aqiqah, kenduri-kendara dan sebagainya.

Jelasnya, ada juga yang tempah untuk kambing bakar yang dihantar siap pada pelanggan.

"Untuk satu



Susu dan daging kambing yang dijual di pasaran.



Cacat tidak menghalang untuk terus berusaha... Isteri sentiasa memberi dorongan semangat kepadanya.

ekor kambing harganya mengikut baka, iaitu antara RM650 hingga RM2,000 seekor.

"Ada juga yang tempah kambing bakar, saya caj dengan harga RM750 seekor. Harga ini tidak termasuk upah memotong dan masak," ujarnya.

Pada mulanya beliau turut memelihara biri-biri, bagaimanapun dengan nasihat Veterina, beliau tidak boleh memelihara keduanya pada satu masa, akhirnya Syahril memilih kambing memandangkan ia lebih mendapat sambutan.

Kehebatannya sebagai seorang usahawan OKU dalam bisnes kambing, mendapat perhatian Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datu' Che Abdullah Mat Nawi.

Baru-baru ini Che Abdullah yang juga Anggota

Parlimen Tumpat dan isteri Datin Saleha Yakub telah melakukan lawatan ke projek pemeliharaan kambing Syahrilnaim.

Che Abdullah cukup kagum dengan kesungguhan pasangan suami isteri itu dalam mencari rezeki dengan menceburi bidang penternakan kambing.

"Tahniah saya ucapkan pada pasangan suami isteri ini, khususnya Saudara Syah kita yang ditakdirkan OKU namun telah muncul sebagai seorang pengusahaENTERAK kambing yang berjaya.

"Kita mendoakan semua usaha beliau ini menjadi contoh pada mereka di luar sana terutama yang senasib dengan Syah untuk terus berusaha dengan mungkin dalam apa jua lapangan yang diceburi," ujarnya.

Beliau turut memberi saranan pada pengusaha ber-

kenaan supaya memohon peruntukkan dari kerajaan Persekutuan di bawah MAFI sekiranya ingin melebarkan lagi bidang berkenaan.

Sementara itu Syahril menyifatkan kunjungan timbalan menteri itu begitu mengahmukannya.

Katanya, beliau langsung tidak menduga Datu' Che Abdullah datang untuk menziarahinya dan seterusnya memberi semangat untuknya meneruskan perjuangannya dalam bidang penternakan kambing.

Pada kesempatan temu bual ini, beliau turut menyarankan pada rakan-rakan yang senasib dengannya di luar sana supaya tidak menjadikan OKU sebagai penghalang untuk mencari rezeki.

"Jangan kerana kita OKU kita menjadi hamba-Nya yang suka meminta-minta, tidak mahu berusaha, sebaliknya jadikan ia sebagai semangat untuk terus bangkit.

"Jangan sekali-kali kita menoleh mereka di atas, sebaliknya pandanglah mereka di bawah kerana di bawah itu masih ramai mereka yang serba kekurangan dan susah berbanding kita," ujarnya.

Paling penting, tambahnya menjadi hamba Allah yang sentiasa bersyukur akan membuatkan seseorang itu sentiasa tenang dan redha di atas takdir yang ditentukan oleh Allah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR	28

## Maqis rampas koko dari Uganda

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor menahan sebuah kontena membawa koko dari Uganda di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah pada Isnin.

Pengarahnya, Nur Afifah A Rahman berkata, hasil pemeriksaan rutin oleh pegawai penguat kuasa pada jam 10 pagi mendapati, kontena terbabit membawa koko seberat 24,210 kilogram dianggarkan bernilai RM227,213.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah akta sama, iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

# Maqis seizes maggot-infested cocoa and vege

**ISKANDAR PUTERI:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) has confiscated over 40 tonnes of imported cocoa fruit and vegetables worth more than RM270,000 at Port of Tanjung Pelepas here.

State Maqis director Nur Affah A. Rahman said the cocoa was seized after an inspection found that the fruit was infested with maggots.

The vegetables had raised suspicion as the importer's address was different from the address stated in the permit.

The cocoa, she said, was from Uganda and inspected at about 10am on Tuesday.

"Inspection inside the container found 24,210kg of cocoa fruit worth RM227,213 that was infested with pests," she said.

She added that the vegetables were from China and inspected at the same location on the same day at about 11am.

"The team found 16,786kg vegetables worth

RM45,115," she said yesterday.

"However, the address on the permit and the manifest differed from one another, prompting confiscation for further investigation."

Nur Affah said the cocoa case was being investigated under Section 14 of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728) for importing agricultural goods that were contaminated or damaged.

The offence carries a maximum fine of RM100,000 or six years' jail or both, and a fine up to RM150,000 or imprisonment up to seven years for a repeated offence, upon conviction.

The vegetable case is being probed under Section 13 of the same Act for making a misleading declaration to the authority.

It carries a maximum fine of RM50,000 or two years' jail, or both, and a fine of up to RM75,000 or imprisonment up to five years, upon conviction.



**Bad fruit:** The maggot-ridden cocoa seized by Maqis in Johor.

Maqis Johor turut temui 24 tan koko dari Uganda

## Rampas 16 tan kobis, brokoli dari China

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** - Kepantasan pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk satu kontena pelbagai sayur segar bernilai lebih RM450,000 di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah pada Isnin lalu.

Pengarah Maqis Johor, Nur Affah A. Rahman berkata, pemeriksaan barang yang tidak mematuhi syarat import itu dikesan pada pukul 11 pagi hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan ke atas kontena tersebut di pelabuhan berkenaan.

Katanya, pemeriksaan lanjut ke atas kontena itu menemui sayur segar sebanyak 16,786 kilogram (kg) dari China yang disyaki tidak mematuhi syarat import. Difahamkan, antara sayur yang dirampas ialah kobis bulat, brokoli, lobak merah, dan kobis panjang.

"Pemeriksaan yang dijalankan mendapati maklumat pada dokumen sayur segar tersebut tidak sama dengan label sayur berkenaan. Alamat pengimport juga tidak sama seperti yang dinyatakan di dalam permit."

"Kesemua sayur segar tersebut telah dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini sermalam.

Dalam kes berasingan, Maqis Johor turut menyekat kemasu-



**PELBAGAI** jenis kotak yang mengandungi sayur-sayur segar dari China dirampas di Pelabuhan Pelepas, Gelang Patah, Johor Bahru Isnin lalu.

kan kontena dari Uganda yang berisi koko seberat 24,210kg.

Nur Affah berkata, kontena terbabit membawa koko yang dianggarkan bernilai lebih RM27,000 dan dalam keadaan sudah rosak selain mengandungi serangga perosak.

Katanya, kontena dan kesemua koko tersebut telah ditahan untuk tindakan lanjut.

Jelasnya, kes pertama disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana melakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

"Kes kedua disiasat bawah Seksyen 14, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

**Kota Bharu:** Buruh yang menjadi dalang dalam pengangkutan aktiviti perjudian sabung ayam di Kuala Krai, 12 Mac lalu didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh, Azmi Ab Aziz, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahrudin.

Azmi dituduh menganjurkan aktiviti yang membolehkan penggunaan ayam dengan haiwan itu tertakluk kepada penganiayaan semasa aktiviti berlangsung, di kawasan ladang kelapa sawit di Kampung Pok Jelak Bedal, Kuala Krai pada jam 4.45 petang, 12 Mac lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 29(1) (u) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 722) yang memperuntukkan hukuman denda antara RM20,000

## Dalang sabung ayam kena dakwa



TERTUDUH diiringi anggota polis di pekarangan mahkamah, semalam.

hingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Mohd Sharif Sabran, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Mohd Sharif memohon mahkamah

menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin, namun Azmi merayu jaminan paling minimum mengambil kira dia mempunyai ramai tanggungan termasuk anak masih bersekolah.

“Sekarang ini, duit bersama saya hanya ada RM7,000 sahaja. Jadi, saya mohon jaminan yang rendah,” katanya.

# Buruh ladang didakwa anjur perjudian sabung ayam

**KOTA BHARU** - Seorang buruh ladang yang menjadi dalang penganjuran aktiviti perjudian sabung ayam di Kuala Krai dua minggu lalu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Tertuduh, Azmi Ab. Aziz, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahruddin.

Azmi didakwa menganyutkan aktiviti melibatkan penggunaan ayam yang mana haiwan itu tertakluk kepada pengamalaan semasa aktiviti tersebut.

Kesalahan dilakukan di kawasan ladang kelapa sawit Kam-



**AZMI**

pung Pok Jelak Bedal, Kuala Krai pada pukul 4.45 petang, 12 Mac lalu.

Bagi kesalahannya itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 29(1) (u) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 722) yang memperuntukkan hukuman denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwa dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan, Mohd. Sharif Sabran, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Mohd. Sharif mencadangkan jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin, namun Azmi merayu jumlah ikat jamin yang rendah kerana



**KERATAN Kosmo 14 Mac 2021.**

mempunyai ramai tanggungan termasuk anak-anak yang masih bersekolah.

"Saya hanya mempunyai wang RM7,000. Jadi, saya mohon jaminan yang rendah," katanya.

Mahkamah membenarkan

tertuduh diikat jamin sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 22 April ini untuk sebutan semula kes.

Tertuduh membayar wang jaminan itu.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan keseronokan 14 lelaki bermain judi sabung ayam dengan pertarungan RM500 sekor terbantu apabila mereka ditahan dalam serbuan di ladang kelapa sawit di Kampung Pok Jelak Bedal pada 12 Mac lalu.

Kesemua kaki judi termasuk seorang lelaki berketurunan Siam berusia 30 hingga 74 tahun itu dicekup pada pukul 4.45 petang dalam Ops Dadu.

# Dulu makan gaji, kini bergelar usahawan

Mula berniaga kek secara kecil-kecilan di rumah selepas berhenti kerja sebagai operator pengeluaran kilang

Oleh NOR AZURA MD AMIN

KOTA TINGGI

**B**ermula daripada berniaga kek secara kecil-kecilan di rumah selepas berhenti kerja sebagai operator pengeluaran kilang, seorang wanita kini boleh dianggap antara usahawan perusahan kecil dan sederhana (IKS) yang berjaya.

Nor Diana Yusof, 43, berkata, selepas tidak lagi bekerja 'makan gaji' dia memilih untuk bekerja sendiri dengan membuka perniagaan menjual kek, sambal garing, peria goreng telur masin, jeruk asam boi dan beraneka biskut raya atas jenama D'Diana Home Made di Felda Air Tawar 1 pada tahun 2014.

Kata wanita itu, suaminya, Zainudin Mohd Dul, 45 yang berniaga chicken chop di pasar malam di sekitar kawasan penempatan Felda di daerah tersebut banyak memberi semangat untuk dia memberanikan diri berniaga.

"Selepas berhenti kerja, terlintas dalam fikiran saya untuk menjual kek dari rumah. Mula-mula bergantung kepada tempahan jiran dan rakan, lama kelamaan tempahan semakin banyak," kata ibu kepada tiga cahaya mata ini.

Tidak mahu bergantung kepada satu produk sahaja, Nor Diana cuba menghasilkan produk seperti kek cheese leleh, sambal garing dan peria goreng telur masin dengan dibantu oleh empat orang pekerja yang terdiri daripada suri rumah.

Akuinya, bukan mudah untuk menghasilkan sambal garing dan peria goreng telur masin yang betul-

**D**ahulu di rumah, hanya dapat keluarkan 200 produk kek cheese leleh dalam tempoh seminggu, tetapi selepas berpindah ke premis IKS yang lebih luas, saya dapat keluarkan 700 produk kek cheese leleh setiap minggu."



Pembungkusan sambal garing dilakukan dengan teliti dan mengutamakan aspek kebersihan.



betul dapat memenuhi citarasa.

Bagaimanapun, dia tidak mudah mengalah dan terus cuba untuk menghasilkan makanan

itu dengan tunjuk ajar ibunya.

Berkat usaha dan semangat kental berterusan wanita ini, dia mendapat bantuan premis bangunan IKS daripada Jabatan Pertanian, sekali gus membantu meningkat hasil pengeluaran produknya.

"Dahulu di rumah, hanya dapat keluarkan 200 produk kek cheese leleh dalam tempoh seminggu, tetapi selepas berpindah ke premis IKS yang lebih luas, saya dapat keluarkan 700 produk kek cheese leleh setiap minggu."

"Jualan kek cheese leleh bermula pada harga RM7.50 mendapat sambutan memberangsangkan apabila dijual di stesen minyak di sekitar Johor Bahru dan Kota Tinggi," katanya.

Tambah Nor Diana, dia tidak menyang tangan memenuhi permintaan menghasilkan sambal garing dan peria goreng telur masin terutama ketika menjelang Ramadan.

"Sekarang ini, 2,000 botol sambal garing dan peria goreng telur asin diperlukan setiap minggu, namun pengeluaran pada masa kini cunai 1,000 botol manakala untuk Ramadan permintaan dijangka meningkat sekali ganda.

"Saya harap dapat mencari alternatif kepada pembungkusan produk yang menggunakan mesin lebih canggih seperti mesin pembungkusan industri, sekali gus membantu meningkatkan pengeluaran produk," katanya.

Menurut Nor Diana, bagaimana-



Peria dibersihkan dan dimasukkan ke dalam mesin pemotong.

pun berkata, perniagaan produk makanan turut berdepan dengan pasang surut terutama ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada tahun lalu.

"Ketika itu, saya cuba beralih kepada kaedah pemasaran secara dalam talian dengan menjual melalui platform membeli-belah. Pada mulanya ramai yang bertanya tentang produk.

"Sekarang ramai yang memberi respons baik. Jualan bagi peria goreng telur masin dan sambal garing amat baik iaitu sekitar 500 botol setiap bulan," katanya.

Berkongsi perancangan masa depan, beliau berharap dapat menambah produk yang dikeluarkan dan mahu membuka sebuah kilang IKS.



Nor Diana telah bergelar usahawan IKS di Felda Air Tawar 1, Kota Tinggi.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	INOVASI GAYA	24



FOTO FARIS RUSSADIO

CAMPURAN ekstrak pegaga, keledak, cendawan dan bayam merupakan kombinasi hebat.



Paling penting adalah ia merupakan salah satu variasi makanan berfungsi tempatan yang bukan sahaja enak dimakan tetapi mempunyai khasiat untuk membantu mengekalkan kehidupan sihat terutamanya kesihatan mental."

## Sup campuran ekstrak pegaga bantu kesihatan mental

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR  
intan.suhana@mediamulle.com.my

**W**ARGA emas dan gangguan kesihatan mental bukan perkara asing. Laporan *American Association of Geriatric Psychiatry* (2008) menganggarkan 20 peratus daripada populasi dunia berumur 55 tahun dan ke atas mengalami masalah kesihatan mental. Masalah paling biasa dihadapi ialah kebimbangan, kemerosotan daya ingatan yang teruk atau *dementia*. Antara puncanya adalah penyakit *Alzheimer* dan gangguan pemikiran seperti tekanan perasaan dan kemurungan. Berdasarkan senario berkenaan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menginovasi makanan

berfungsi, Nutrisoup bagi mengatasi isu berkenaan. Penyelidikanya, Dr. Mazlan Kasran berkata, produk sup campuran ubi dan sayuran itu diperkaya dengan ekstrak pegaga dan sedia dimakan. Ia dibangunkan untuk membantu masyarakat terutamanya warga emas dalam mengekalkan kehidupan yang sihat. Menurutnya, ekstrak pegaga dipilih berdasarkan kandungan sebatian aktif di dalamnya iaitu

iaitu kumpulan *triterpenoid* seperti *Asiaticoside*, *madecassoside*, asid asiatic dan asid *madecassic*. Kajian klinikal dilakukan oleh ramai penyelidik ke atas ekstrak pegaga atau nama saintifiknya *Centella*

*Asiatica* mendapati ia mampu mengurangkan masalah gangguan berkaitan dengan perasaan cemas selain mengurangkan gangguan tekanan. "Sup ini dihasilkan dengan campuran ubi keledak oren, cendawan tiram kelabu dan 500 miligram (mg) ekstrak pegaga sebagai bahan utama. "Ia menyumbang kepada ciri organoleptik, nutrisi dan kefungsiannya untuk kesihatan mental warga emas," katanya kepada *Utusan Malaysia*.



UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 25 MAC 2021

25

INOVASI • Gaya

PEGAGA  
menyumbang kepada  
nutrisi diperlukan  
oleh warga emas.

**Paling penting adalah ia merupakan salah satu variasi makanan berfungsi tempatan yang bukan sahaja enak dimakan tetapi mempunyai khasiat untuk membantu mengekalkan kehidupan sihat terutamanya kesihatan mental."**

#### MUDAH DIMAKAN

Dalam pada itu, Dr. Mazlan menjelaskan, inovasi dalam bentuk sup sedia dimakan dipilih kerana ia bersesuaian untuk dikonsumsi oleh golongan warga emas.

Teksturnya yang lembut memudahkan ia untuk dimakan, ditelan dan dicerna oleh golongan yang sudah berusia. Ia juga dapat mengurangkan risiko tersedak ketika menelan makanan.

Selain didatangkan sebagai produk sedia dimakan, pengguna hanya perlu panaskan ia sebelum dihidang. Ia boleh dimakan bersama nasi atau roti mengikut selera masing-masing.

"Mungkin ramai yang risau adakah sup pegaga ini pahit atau mempunyai rasa sayur yang kuat. Apa yang saya boleh beritahu ialah ramuan istimewa yang telah kita adunkan menjadikan rasanya enak. Pengguna harus mencubanya sendiri.

**DR. Mazlan**  
perkenalkan inovasi  
makanan berfungsi  
Nutrisoup yang  
merupakan  
makanan berfungsi  
keluaran tempatan.



"Paling penting, ia merupakan salah satu variasi makanan berfungsi tempatan yang bukan sahaja enak dimakan tetapi mempunyai khasiat membantu mengekalkan kehidupan sihat terutamanya kesihatan mental," katanya. Lebih menarik, produk ini stabil dan selamat untuk

disimpan pada suhu bilik sehingga tempoh dua tahun lamanya.

#### POTENSI PASARAN

Dalam pada itu, MARDI turut menjalankan penilaian penerimaan warga emas terhadap produk inovasi berkenaan dan hasil kajian mendapati produk ini mempunyai potensi untuk dipasarkan.

Kajian pengesanan pasaran terhadap 491 responden daripada pelbagai kumpulan umur menunjukkan majoriti daripadanya berminat membeli produk berkenaan apabila ia tersedia di pasaran kelok.

Ia berikutan sup campuran diperkaya ekstrak pegaga itu mengandungi jumlah tenaga, kandungan karbohidrat dan lemak yang rendah.

"Produk ini berpotensi sebagai sumber beta karotena, vitamin B9, dan zat galian seperti potasium dan kalsium serta serat diet," tambah Dr. Mazlan.

MARDI turut menjemput usahawan yang berminat untuk memasarkan produk makanan berfungsi berkenaan di seluruh negara.

Maklumat boleh didapati dengan menghubungi Pusat Promosi dan Pembangunan Perniagaan MARDI yang menguruskan pengkomersilan teknologi.



#### KEISTIMEWAAN PRODUK

- » Sup campuran sedia dimakan dihasilkan dari keledek oren, cendawan tiram kelabu, bayam dan ekstrak pegaga sebagai bahan utama yang menyumbang kepada ciri organoleptik, nutrisi dan kefungsiannya
- » Satu pek sup seberat 200 gram (g) mengandungi 60 kkal tenaga, 12g karbohidrat, 3.2g protein, 0.2g lemak, 4g serat diet dan 46.5mg beta karotina.
- » Kajian pra-klinikal menunjukkan ekstrak pegaga dapat membantu meningkatkan fungsi kognitif dan mengurangkan masalah kebimbangan atau tekanan.
- » Mempunyai ciri anti oksida yang dapat membantu merencat radikal bebas daripada merosakkan sel. Kandungan antioksidan ini stabil untuk penyimpanan sehingga dua tahun pada suhu bilik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2021	KOSMO	NEGARA	5

# KADA uji padi nuklear

**PASIR MAS** – Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan menguji kemampuan padi NMR-152 atau padi berteknologi nuklear sebelum menggalakkan petani di bawah seliaan agensi itu mencuba varieti baharu itu.

Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md. Nor berkata, sebagai permulaan, pihaknya merancang untuk mengusahakan tanaman padi jenis itu di atas tanah berkeluasan enam hingga 10 hektar.

Menurutnya, projek rintis itu akan dimulakan pada musim baharu akan datang iaitu bermula Jun depan.

“Sekiranya varieti ini menunjukkan hasil yang baik, berkualiti dan mampu men-

jana pendapatan lumayan, KADA akan memberikan galakan kepada petani untuk mengusahakan padi jenis ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pembahagian Hasil Ladang Merdeka Meranti, Senor dan Bakong Bagi Musim 1/2020 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubang Bunut, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Kamarudin memberitahu, selain NMR-152 yang diperkenalkan Agensi Nuklear Malaysia, KADA juga merancang untuk menguji dua lagi varieti baharu iaitu padi MR-315 dan Putra 2.

25/3/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
KELANTAN

26

# KADA tanam padi nuklear Jun ini

Proses penanaman NMR152 dikawal selia oleh Agensi Nuklear Malaysia

Oleh HAZELILIANA  
KAMARUDIN

PASIR MAS

**L**embaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan memulakan projek perintis dengan menanam padi nuklear NMR152 yang dikeluarkan oleh Agensi Nuklear Malaysia pada musim baharu yang akan bermula Jun ini.

Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor berkata, proses ujian itu akan dilakukan di atas tanah berkeluasan antara empat hingga 10 hektar di bawah seliaan agensi berkenaan.

"Kita akan uji terlebih dahulu benih ini sama ada ia se-

suai atau tidak.

"Selain itu, KADA juga mahu melihat dari segi ketahanan dan hasil yang bakal dikeluarkan oleh benih ini," katanya kepada pemberita pada Majlis Pembahagian Hasil Ladang Merdeka Meranti, Senor dan Bakong Bagi Musim 1/2020 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubang Bunut di sini pada Rabu.

Hadir sama Pengerus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Menurutnya, jika benih itu menunjukkan hasil yang baik dan berkualiti, KADA akan memberikan galakan kepada petani untuk mengusahakan tanaman padi daripada jenis itu.

Beliau berkata, selain nuklear, dua lagi benih baharu akan turut diuji oleh KADA iaitu MR315 dan Putra 2.

"MR315 merupakan benih yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Putra 2 pula adalah benih keluaran daripada Universiti



Kamarudin (ltd) menyampaikan sumbangan pada Majlis Pembahagian Hasil Ladang Merdeka Meranti, Senor dan Bakong di PPK Kubang Bunut, Pasir Mas pada Rabu.

Pertanian Malaysia (UPM)," katanya.

Kata beliau, benih baharu ini mampu merancakkan lagi perkembangan industri padi

negara pada masa hadapan.

"Pada masa sama, ia mampu mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import dari luar negara," katanya.

Agensi Nuklear Malaysia sebelum ini optimis pengeluaran hasil padi negara mampu ditingkatkan menerusi benih NMR152.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## PPNS tambah pelaburan RM2 juta kepada NAFAS



Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPN Selangor, Datuk Abd Rahman Bakri (kiri) menyerahkan replika cek kepada Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Dr Anis Mahmud (tengah) pada Majlis Penyerahan Tambahan Saham PPNS kepada Nafas di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Foto HAFIZ SOHAIMI, 23 MAC 2021.

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS) menambah pelaburan saham sebanyak RM2 juta kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Menerusi pertambahan pelaburan saham itu, ia sekaligus menjadikan PPNS sebagai pemegang saham terbesar di

dalam agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPN Selangor, Datuk Abd Rahman Bakri berkata, pada dasarnya PPN Selangor mempunyai keahlian seramai 55,857 orang sehingga 31 Disember 2020 yang terdiri daripada 14 buah Pertubuhan Peladang Kawasan di negeri itu dengan jumlah keseluruhan saham yang dilaburkan sebanyak RM3,786,888.

Manakala, sehingga berakhir 31 Disember 2020, jumlah keseluruhan saham PPN Selangor di NAFAS adalah sebanyak RM9,911,853.50, katanya.

"Daripada jumlah pelaburan ini, dividen yang diperolehi sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah M1,185,971.87 menjadikan jumlah pelaburan saham di NAFAS sehingga 31 Disember 2020 berjumlah RM11,097,825.37.

"Harapan saya, dengan penambahan saham di NAFAS ini, ia mendapat pulangan pelaburan yang kekal positif dengan memberi pulangan yang lebih tinggi dan antara impaknya ialah memberi manfaat kepada seluruh ahli-ahli kami," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pasukan Khas Benih Padi Sah dan Padi Asas serta Majlis Penyerahan Tambahan Saham PPNS kepada NAFAS di sini, malam tadi.

Majlis turut dihadiri Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Dr Anis Mahmud.

Menurut Abd Rahman, pihak Ahli Jawatankuasa Pengarah (AJP) Selangor berpendapat, saham itu perlu ditambah dan dijadikan jumlah paling maksimum meskipun kuota yang diberikan kepada PPN Selangor hanya 20 peratus sahaja.

Katanya, jika kuota saham yang diberikan lebih daripada itu, PPN Selangor sanggup membeli agar keuntungan yang diperolehi dirasakan oleh ahli-ahli NAFAS.

Tambah beliau, dengan penambahan saham itu ia menjadikan saham PPNS kini mencecah sebanyak RM13,097,825.00 daripada keseluruhan jumlah saham di NAFAS iaitu RM65,557,824.



"Kami juga merayu agar NAFAS dapat memberikan satu kuota lagi kepada PPNS sebagai pemegang saham tertinggi

untuk dijadikan perangsang kepada PPN di tempat-tempat lain agar mereka berlumba-lumba untuk menambah saham masing-masing.

"Pemberian kuota tambahan itu adalah sebagai membalas jasa PPNS yang telah melengkapkan 20 peratus kuota yang diberikan itu.

"Matlamat kita agar saham NAFAS ini akan sentiasa bertambah lagi pada masa-masa akan datang demi kebaikan ahli-ahli NAFAS," ujarnya.

Sementara itu, Anis dalam ucapannya berkata, pihaknya turut mengalu-alukan inisiatif daripada PPN di tempat-tempat lain untuk mereka menambahkan pelaburan saham masing-masing.



Katanya, langkah itu penting kerana pada akhirnya NAFAS itu sendiri dimiliki oleh PPN.

"Kita juga kini sedang mencari apa lagi model selain daripada pelaburan supaya petani mendapat manfaat," katanya. – MalaysiaGazette

## PPNS tambah pelaburan RM2 juta saham dalam Nafas

**KUALA LUMPUR** - Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS) menambah pelaburan saham sebanyak RM2 juta kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas). Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPNS, Datuk Abd Rahman Bakri berkata, dengan penambahan pelaburan tersebut, PPNS kini merupakan pemegang saham terbesar melibatkan nilai RM13.09 juta daripada RM65.56 juta jumlah keseluruhan nilai saham Nafas.

“Sehingga akhir 31 Disember lalu, jumlah keseluruhan saham kami dalam Nafas mencecah RM9.91 juta. “Daripada jumlah pelaburan ini, dividen yang diperolehi adalah sebanyak RM1.18 juta selain meningkatkan jumlah pelaburan saham dalam Nafas RM11.09 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pasukan Khas Bemih Padi Sah dan Padi Asas serta Majlis Penyerahan Tambahan

Saham PPNS kepada Nafas di Hotel Seri Pacific di sini pada Selasa.

Hadir sama menyempurnakan simbolik penyerahan pelaburan berkenaan ialah Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Dr Anis Mahmud.

Dalam pada itu, Abd Rahman berkata, PPNS mempunyai ahli seramai 55,857 orang yang terdiri daripada 14 Pertubuhan Peladang Kawasanan di negeri berkenaan dengan jumlah keseluruhan saham yang dilaburkan ialah RM3.78 juta.

“Justeru, saya berharap dengan penambahan nilai saham dalam Nafas ini, ia akan memberi pelangan pelaburan yang lebih tinggi sekali gus memantapkan seluruh ahli kami,” katanya.

Mengulas lanjut, Abd Rahman berkata, Ahli Jemaah Pengarah PPNS berpengetahuan dan terampil dalam menambah ke tahap paling maksimum kerana kuota yang diberikan kepada PPNS hanya 20 peratus.

Sekiranya kuota saham



Abd Rahman (kiri) menyerahkan replika cek berjumlah RM2 juta kepada Anis pada Majlis Penyerahan Tambahan Saham PPNS kepada Nafas di Kuala Lumpur pada Selasa.

bah pelaburan masing-masing.

Menurutnya, langkah tersebut penting kerana pada akhirnya Nafas sendiri akan dimiliki oleh PPNS.

“Kita juga sedang mencari model selain daripada pelaburan supaya ia dapat dimanfaatkan oleh petani,” katanya.

yang diberikan lebih daripada itu, beliau berkata, PPNS

sanggup membelinya agar keuntungan yang diperolehi dapat dinikmati semua ahli Nafas.

“Kami merayu supaya Nafas dapat memberikan satu lagi kuota kepada PPNS bagi menarik perhatian PPNS lain

untuk turut serta menambah

saham masing-masing dalam Nafas.

“Pemberian kuota tambahan ini adalah sebagai membalas jasa PPNS yang sudah pun melengkapkan 20 peratus kuota yang diberikan Nafas.”

Sementara itu, Anis turut mengalu-alukan inisiatif PPNS

di tempat lain untuk menam-

## Bina pelabuhan ancam penyuh karah

CIH BAHASA MAMPAK  
berita@mediamulla.com.my

**MELAKA:** Rancangan projek bina pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion, bukan sahaja meletakkan ancaman kepada nelayan tetapi turut mengancam populasi penyuh karah.

Ini kerana, penyuh karah yang dikenali sebagai 'penyu' sangat terancam akibat pembangunan pusat bandar di pulau Alor Gajah dekat sini sebagai lokasi pendaratan dan biakan.

KLIP diwujudkan pada April ini, ia berpotensi menjejaskan hasil tangkapan penyuh karah di kawasan berkenaan.



OH BERKEMBARA  
MOHD. FAUZI SALEHON

Darul Seri Sabilan Md. Ali berkata, ia adalah keputusan yang terburuk kerana rancangan projek pembangunan bandar laut di negeri ini, dan pulau hanya terdapat populasi KLIP sahaja.

Di samping itu, Negeri Sembilan, Darul Seri Aminah dan Terengganu yang mempunyai KLIP perlu mematuhi ISA, untuk memastikan projek ini tidak mengganggu populasi penyuh karah.

KLIP diwujudkan pada April ini, ia berpotensi menjejaskan hasil tangkapan penyuh karah di kawasan berkenaan.

**KERATAN Utusan  
Malaysia 23 Mac lalu.**

Pemaju kena bina tukun tiruan

# KLIP: Hasil laut terjejas

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**  
utusannews@mediamulla.com.my

**MELAKA:** Projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) yang dijangka bermula April ini bukan sahaja berisiko mengganggu pendaratan penyuh karah di sekitar pantai di Alor Gajah dekat sini, tetapi turut menjejaskan stok hasil laut.

Justeru, pemaju projek kerajaan negeri bernilai RM15 bilion itu perlu melabur meletakkan tukun-tukun tiruan terlebih dahulu sebelum memulakannya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Perikanan negeri, Mohd. Fauzi Salehon berkata, perkara itu telah ditekankan kepada pemaju melibatkan beberapa kawasan yang dikenal pasti menjadi lokasi habitat dan pembiakan ikan.

"Jabatan Perikanan negeri menyarankan beberapa perkara yang perlu dilakukan pemaju sebelum memulakan projek KLIP ini termasuk melabur untuk meletakkan tukun-tukun tiruan di kawasan sasaran.

"Antara lokasi yang dikenal pasti berpotensi tinggi menjadi habitat dan pembiakan ikan adalah di Pulau Besar serta Pulau Undan," katanya.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, KLIP bukan sahaja menimbulkan polemik kepada nelayan tetapi turut mengancam populasi penyuh karah.

Semalam, Mohd. Fauzi menegaskan, Jabatan Perikanan telah mengingatkan dan menyarankan kepada kerajaan negeri agar tidak membenarkan sebarang pembangunan dilakukan di kawasan-kawasan rizab melibatkan pendaratan penyuh karah.



**MOHD. FAUZI SALEHON**

Katanya, ia adalah langkah berjaga-jaga untuk memastikan spesies terancam itu dapat terus mendarat di negeri ini tanpa sebarang masalah.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan, peletakan tukun perlu dilakukan lebih awal memandangkan kawasan penangkapan ikan menjadi kecil sekiranya projek itu mula dijalankan.

"Kita tidak mahu timbul konflik di masa hadapan yang mana para nelayan yang turun ke laut demi mencari rezeki akhirnya terpaksa pulang dengan tangan kosong gara-gara kawasan penangkapan kecil dan stok laut berkurang.

"Dari pihak kami, sudah pasti kita juga mahu bekalan hasil laut ini meningkat, bukannya berkurangan gara-gara pembangunan projek itu," jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai pembinaan kelong, Mohd. Fauzi memberitahu, idea tersebut hanya sesuai untuk dijadikan sebahagian aktiviti rekreasi perikanan dan bukannya penernakan ikan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	23

## Pekebun tembikai rugi akibat banjir

**KUANTAN** - Seramai tujuh daripada 17 pekebun tembikai di Kampung Ubai di sini menanggung kerugian ratusan ribu ringgit apabila kebun seluas 11 hektar yang diusahakan mereka ditenggelami banjir sejak petang Selasa.

Projek penanaman tembikai itu diusahakan 17 pekebun di atas tanah seluas 26 hektar, namun sebahagian daripadanya ditenggelami air sedalam 0.3 hingga 0.6 meter.

Salah seorang pekebun yang terjejas, Mohd Nordin Abd Mutalib, 44, berkata, sebanyak 2,800 pokok tembikai susu yang ditanam di kebunnya seluas 0.8 hektar ditenggelami air sedalam 0.6 meter.

“Pokok tembikai saya itu baru berusia 23 hari. Kalau ikutkan, saya boleh mengutip hasil pertama pada April tetapi ia berlaku sebaliknya.

“Mahu atau tidak saya terpaksa akur dan pasrah dengan ketentuan AL-LAH,” katanya ketika ditemui di kebunnya di Kampung Ubai pada Rabu.

Mohd Nordin berkata, dia terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM8,000 sekali gus hilang pendapatan apabila kesemua pokok yang ditanam ditenggelami air.

Tambahnya, dia terpaksa mengeluarkan modal baharu untuk membuat tanaman semula selepas air banjir di kawasan itu surut.

“Kebiasaannya kawasan ini ditenggelami air pada musim tengkujuh sahaja dan saya tidak akan menanam pada waktu tersebut.



Mohd Nordin melihat anak pokok tembikai yang ditenggelami air di kebunnya di Kampung Ubai, Kuantan pada Rabu.

“Ini kali pertama air naik di kebun. Saya percaya ia mungkin ‘berpunca daripada saluran perparitan yang tidak diselias selepas berlaku banjir pada musim tengkujuh awal tahun ini,” katanya.

Sementara itu, seorang lagi pekebun, Muhammad Fadhli Osman, 33, berkata, hampir keseluruhan kebun seluas 1.2 hektar miliknya turut ditenggelami air.

Katanya, ia telah merosakkan 5,000 pokok tembikai jenis boci yang ditanamnya.

“Saya terpaksa menanggung kerugian berjumlah RM15,000 termasuk kos menanam dan upah pekerja,” katanya.

Dia berharap pihak berkuasa dapat melakukan penyelenggaraan sistem perparitan di kawasan ini supaya kejadian sama tidak berulang lagi.

25/3/2021

HARAKAH

KELANTAN

H12

# Lahir usahawan tani ternak ayam kampung

**MACHANG:** Kerajaan negeri berusaha melahirkan usahawan tani dalam bidang ternakan ayam kampung asli melalui konsep mentor mentee.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi,

Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program itu disasar dapat menyumbang pendapatan sendiri kepada setiap peserta.

Katanya penduduk yang terlibat merupakan peserta

projek penternakan ayam kampung asli Al-Falah Machang.

"Sebelum ini kerajaan memperuntukkan lima petak reban dan 30 ekor ayam induk dan pembaka yang melibatkan kos RM7,000 seorang membabitkan 15

peserta," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada perasmian penutup program Kursus Penternakan Ayam Kampung anjuran Kumpulan Pertani-Kelantan Berhad (KPKB) di Kompleks MADU, baru-baru ini.

Turut hadir Adun Pu-

lai Chondong Ustaz Azhar Salleh. Kursus mengenai teori ternakan organik dikendalikan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya Dr Hisyam

Fariz. Peserta turut didedahkan informasi berkaitan pembakaan, penyakit serta pencegahan, penguasaan pemakanan ayam kampung dan penghasilan larutan mikroorganisma.



Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama peserta kursus penternakan ayam kampung.

## CONTAMINATED EGGS

## DG: Lab results out on Friday

MOHD ISKANDAR IBRAHIM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE laboratory test results on samples from CEM014 farm, due to possible Salmonella enteritidis (SE) presence, will be known on Friday.

Veterinary Services Department (VSD) director-general Datuk Dr Norlizan Mohd Noor said the samples were being tested to detect the presence of the bacteria.

"For the latest case of an egg farm that was detected to be contaminated with SE bacteria, as reported by Singapore recently, the test result is still at the laboratory testing stage.

"We are actively conducting tests on the samples obtained, and maybe in two or three days, we will get the results," he said when contacted by *Berita Harian* yesterday.

Asked how the contamination could have happened, Norlizan



*Salmonella enteritidis contamination could occur at egg farms due to poor farming practices.* PIC BY HASRIYASYAH SABUDIN

said it could be during the handling and marketing process.

He added that contamination could also occur at farms due to poor farming practices, in terms of biosecurity and farm hygiene.

He said SE contamination was also reported to occur worldwide.

He said the department, via its National Animal Disease Surveillance Programme, will be enhancing the SE monitoring system at 276 farms nationwide, to ensure safety of eggs that are be-

ing supplied to the market.

Recently, the Singapore Food Agency (SFA) ordered four importers to recall eggs from Linggi Agriculture here, after it was found to be contaminated with SE.

Earlier on March 12, SFA had directed four importers to recall eggs from a Malaysian company, Lay Hong Bhd farm (CES008), after it detected the presence of SE.

However, the VSD on March 21, denied the presence of SE bacteria in the CES008 eggs.

25/3/2021

NST

LETTERS

16

## SALMONELLA CONTAMINATION

## ENSURING OUR EGGS ARE SAFE

**F**OOD businesses in Malaysia have been affected by the interstate travel ban and restricted border controls due to Covid-19.

This situation has probably gone down to a new low with the recent reports of Salmonella contamination in eggs imported from Malaysia in Singapore.

It was first reported that the imported eggs originating from a farm in Jeram, Selangor, had been recalled following the detection of Salmonella enteritidis.

More recently, there was a second recall directed to eggs originating from another company in Linggi, Negri Sembilan, due to similar bacterial contamination.

These two instances indicate that the contamination is no longer an isolated case. Thus, mitigation efforts need to be improved to safeguard market reliance of the coun-

try's poultry industry, with sales exceeding RM10 billion annually.

As much as we want to reduce the use of antibiotics in poultry, the issue needs to be discussed openly and rationally. Antibiotics are necessary to control the spread of bacteria and diseases in huge farms.

However, it needs to be closely regulated so that the microorganisms in chickens do not become resistant, and persistently contaminate other poultry products such as eggs.

The scientific approach is the way forward to identify bacterial resistance to all antibiotics used in poultry, and hence, preventing the use of any that may no longer be effective.

Therefore, the call for stricter surveillance on the use of antibiotics by related authorities, such as the Food Safety and Quality Division of the Health Ministry and the Department of Veterinary Services of the Agricul-



*Hygiene and sanitation practices at chicken farms must be strictly monitored to ensure no more bacterial contamination of eggs. FILE PIC*

ture and Food Industries Ministry, is timely.

The key players in the poultry industry are few, and almost identifiable. Mostly, their business relies on collaborations with small contract farmers, whose farm practices may differ.

The hygiene and sanitation practice at the breeder farms must be strictly imposed and monitored by key players in their business dealings.

Furthermore, the Malaysian Good Agricultural Practice or MyGAP — a comprehensive certification scheme issued for livestock and poultry sec-

tor — should be observed with due diligence.

The scheme provides a sanitary environment for egg production so that microbiological testing by the industry will give consumers an assurance that all preventive measures have been taken.

This will, in itself, facilitate approval from the authorities, such as the Department of Veterinary Services and Customs, before the eggs are exported overseas.

This is not the first time that our food supply has been either recalled or rejected overseas. Not only does it show the discrepancy in monitoring of our food exports, but also puts our attitude towards providing safe food to our own people in question.

**DR ADIM SIKIN**

Senior lecturer,

Food science and technology,  
Faculty of Applied Sciences, UiTM

# Belenggu tanah sawah haram terlerai

Oleh **IRSYADI ABU BAKAR**

**S**EJAK sekian lama, petani di Terengganu meneroka dan membangunkan tanah dengan sawah padi sehingga daerah Setiu dan Besut menjadi antara kawasan pengeluaran beras padi negara.

Namun, tidak semua dari mereka menerima hak milik

tanah yang diusahakan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim, Kerajaan PAS Terengganu memahami kemelut ini dan berusaha memastikan petani yang layak mendapat hak mereka, sejak memegang tampuk pemerintahan

pada 2018 lalu.

"Terdapat 12,000 hektar tanah sawah di seluruh Terengganu dan kini, jangkakan saya hanya antara 300 hektar iaitu di sekitar Setiu dan sedikit di Hulu Terengganu yang belum selesai diserahkan hak milik.

"Apa yang ingin saya tegaskan, adalah janji kita (kerajaan negeri) untuk menyelesaikan isu tanah



padi yang masih berstatus tanah haram. Kita fokuskan supaya tidak ada lagi tanah padi berstatus tanah haram di Terengganu.

"Ini kerana petani yang mengusahakan sawah padi bertatus tanah haram dipafkan hak daripada bantuan baja subsidi, racun,



Dr Azman ketika melawat Kampung Jelapang untuk program CSR Tani baru-baru ini.



subsidy harga dan sebagainya," katanya.

Justeru, beliau memaklumkan bahawa pihaknya telah meluluskan permohonan 92 orang petani dari Kampung Bukit Layat dan juga 56 orang dari Kampung Jelapang, Setiu untuk diberikan hak milik tanah sawah.

"Petani-petani di sini telah meneroka kawasan ini sekitar tahun 70-an iaitu lebih 40 tahun tetapi mereka masih belum menerima hak milik.

"Jadi, tidak sepatutnya kerana campur tangan kita (kerajaan), petani yang telah mengusahakan tanah selama berpuluh tahun dinafikan daripada mendapat semua kemudahan ini kerana status tanahnya ialah tanah kerajaan yang diusahakan secara tanah haram, kita mesti menyelesaikan secara segera.

"Selepas ini, permoho-

nan ini akan diteruskan dengan proses Pejabat Tanah dan Galian Terengganu serta dipanjangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)," ujarnya seraya menyatakan, usaha itu menyelesaikan baki pemilikan tanah sawah padi di kawasan pengeluaran beras padi negara daerah tersebut.

Dr. Azman juga menyatakan, tindakan kerajaan PAS Terengganu ini membuktikan keseriusan pemerintah untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi.

"Dalam Belanjawan 2021, isu-isu infrastruktur di kawasan sawah padi menjadi antara tumpuan kita di mana tahun lepas peruntukan sebanyak RM800,000 dinaikkan kepada RM4 juta pada tahun ini.

"Jadi, satu peningkatan ketara hampir lima kali ganda yang membuktikan

kita serius untuk mempertingkatkan hasil padi khususnya di luar kawasan jelapang padi di bawah kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA KETARA) yang masih berjumlah sekitar 7000 hektar di seluruh Terengganu," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa kadar cukup sara diri beras Terengganu sekarang baru mencapai 53 peratus sahaja.

"Dalam masa sama, kita telah berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan supaya disegerakan projek IADA KETARA fasa kedua yang akan meliputi dua daerah iaitu Besut dan Setiu agar isu-isu sumber bekalan air dan sebagainya boleh diselesaikan apabila sumber bekalan air kita boleh ambil daripada empangan Paya Peda yang telah siap dengan kos 300k," katanya.